

10 AUG 2002

SUKAN: PERLUMBAAN GO KART INDY 40 ENDURO BERMULA HARI INI

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa peserta Indy 40 Enduro Langkawi 2002 meluangkan masa mengenali Langkawi dan memberi jaminan bahawa masa yang mereka habiskan untuk melawat pulau peranginan itu pasti mendatangkan kepuasan.

Perdana Menteri, yang merupakan penaung acara antarabangsa itu, turut menggalakkan semua peserta memanfaatkan acara antarabangsa itu bukan sahaja untuk menikmati sukan go kart, tetapi juga menambah kenalan dan memahami budaya masing-masing.

Indy 40 Enduro, yang diadakan buat kali kelima, telah semakin mendapat tempat di peringkat antarabangsa, katanya dalam perutusan beliau dalam buku program Indy 40 Enduro Langkawi 2002.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Lada, Kelab Sukan Bermotor Langkawi dan Mofaz Motorsport atas kejayaan mereka menganjurkan acara Indy 40 Enduro di sini sekali lagi.

Juara bertahan La Maree & Splash dari Jepun adalah antara 21 pasukan yang mengambil bahagian dalam acara dua hari yang bermula hari ini dan menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM100,000.

-- BERNAMA

NH RHM